



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	291.8 HEKTAR BENDANG DI PERLIS TERJEJAS KEMARAU, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	RAMPAS 27 TAN PAHA AYAM SEJUK BEKU TIADA LESEN IMPORT DIKELUAR DVS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S - 3	JABATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)
3.	YOUNG TURTLE SAVED FROM GURNEY DRIVE, EVENT, THE STAR, M/S - 6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	GENERASI KETIGA TERUSKAN LEGASI, SINAR BISNES, SINAR HARIAN, M/S - 30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	ANCAMAN CUACA PANAS - EMPAT NEGERI HADAPI KEBAKARAN, PARAS AIR EMPANGAN MEROSOT, JEJAS SEKTOR PERTANIAN, MUKA DEPAN & DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1-2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	DURIAN MUSANG KING SEMAKIN MAMPU MILIK, FORUM, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 26	LAIN-LAIN
7.	OPERASI BENIH AWAN - AIR EMPANGAN BUKIT MERAH, TASIK TEMENGGOR SUSUT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S - 8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	KOSMO	NEGARA	12



MEGAT HASHIRAT (dua dari kanan) meninjau kawasan terjejas kemarau di Kampung Guar Halban, Mata Ayer, Arau semalam.

291.8 hektar bendang di Perlis terjejas kemarau

ARAU – Kemarau berpanjangan melanda Perlis ketika ini menyebabkan kira-kira 291.8 hektar kawasan sawah padi di beberapa daerah terjejas akibat kekurangan sumber air.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Megat Hashirat Megat Hassan berkata, situasi itu memberi kesan ketara khususnya kepada kawasan penanaman di luar sistem pengairan utama.

“Kawasan sekitar Kampung Guar Halban, Mata Ayer sahaja melibatkan kira-kira 130 hektar sawah yang sudah menunjukkan tanda kekeringan akibat kemarau berterusan.

“Walaupun beberapa langkah alternatif seperti penggunaan telaga tiub dan pam air dilaksanakan, keupayaannya masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan keperluan sawah padi yang terjejas,” katanya.

Menurutnya, sistem pengairan sedia ada kini berada pada tahap maksimum dan tidak mampu menyalurkan bekalan air secukupnya kepada kawasan luar jelang.

“Sekiranya cuaca kering ini berterusan, sebahagian besar tanaman padi dijangka mengalami kerosakan serius terutama di kawasan yang bergantung sumber air alternatif.

“Kerajaan menyediakan perlindungan melalui skim insurans takaful pertanian bagi membantu meringankan beban petani yang mengalami kerugian akibat bencana cuaca,” ujarinya.

Katanya, kerajaan turut mempertimbangkan penggunaan varieti padi seperti padi nuklear yang mempunyai ketahanan tinggi terhadap cuaca ekstrem sebagai langkah jangka panjang menghadapi perubahan iklim tidak menentu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	3



@hmetromy



HarianMetro



@hmetromy



www.hmetro.com.my

3

lokal

RAMPAS 27 TAN PAHA AYAM SEJUK BEKU

Tiada lesen import dikeluarkan DVS

Kota Kinabalu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah merampas 27 tan paha ayam sejuk beku bernilai RM268,410 dalam satu operasi di Pelabuhan Sepanggar dan Inanam Laut, dekat sini.

Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar berkata, rampasan dilakukan penguat kuasa DVS selepas risikan dan pemeriksaan menda-

pati produk import itu tidak mempunyai permit yang sah dari jabatan itu.

Katanya, operasi pada 30 Januari lalu itu yang diketuai DVS Kota Kinabalu membabitkan pemeriksaan sebuah kontena berukuran 12 meter panjang di Pelabuhan Sepanggar sebelum tindakan susulan diambil di sebuah premis bilik sejuk beku di Kampung

Inanam Laut, Inanam.

"Pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan DVS.

"Tindakan sitaan diambil ke atas 27,000 kilogram (kg) produk paha ayam sejuk beku dengan nilai RM268,410, selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	THE STAR	EVENT	6



The green turtle found injured on the beach along Gurney Drive being handed to Penang Fisheries Department. — Courtesy photo

Young turtle saved from Gurney Drive

A GREEN turtle weighing just 3kg was rescued after being found stranded on a beach along Gurney Drive, George Town.

Penang Fisheries Department said it received a report from fishermen about a turtle that had washed ashore and deployed officers to the scene.

The reptile was identified as a green turtle (*Chelonia mydas*), locally known as *penyu agar*.

It measured about 39cm in shell length and had suffered minor injuries, though it was still alive and responsive.

The turtle was taken to

Akuarium Tunku Abdul Rahman in Batu Maung for temporary care.

Once stabilised, it will be transferred to the Turtle Conservation and Information Centre at Pantai Kerachut, within Penang National Park, for release, the department said.

Green turtles are the most commonly encountered sea turtle species in Penang waters, especially along the island's northern and eastern coastlines.

At 3kg, this turtle is not an adult. Fully grown green turtles can weigh more than 150kg and

have shells exceeding 1m in length.

A turtle this size is considered a juvenile, estimated to be several years old but still far from breeding age.

Green turtles take decades to reach maturity, said to be from 20 to 40 years, making the survival of juveniles crucial for the species.

Penang Fisheries Department urges anyone who encounters stranded marine mammals or threatened marine species to contact it at 04-657 2777. — By **ARNOLD LOH**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	SINAR HARIAN	SINAR BISNES	30

30

Generasi ketiga teruskan legasi

Daripada pengusaha bahu kini pembekal makanan sejuk beku

Oleh NORAFIZA JAAFAR

MASJID TANAH - Ibu kepada tiga anak meneruskan legasi perniagaan keluarga daripada pengusaha bahu kepada pembekal makanan sejuk beku bagi memenuhi permintaan pelanggan di zon Selatan merangkumi Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kini, Naqik Cookies menawarkan lebih 100 jenis produk termasuk kuih tradisional dan makanan sejuk beku seperti karipap sardin dan kentang, puteri ayu, popiah, samosa dan donut.

Perniliknya, Nabihah Karim, 41, berkata, perniagaan yang diasaskan oleh neneknya, Burok Osman diteruskan ibunya, Abibah Ketot, sebelum diambil alih olehnya dengan pengurusan lebih tersusun serta pengeluaran berskala besar.

Menurutnya, jenama Naqik merupakan gabungan nama adik-beradik iaitu Nadirah, Nabihah, Nadiyah, Naquiddin dan Najmuddin, manakala Karim diambil daripada nama bapanya sebagai simbol kesinambungan perniagaan legasi keluarga.

Beliau berkata, Naqik bermula sekitar 2007 secara sampingan sebelum memberi tumpuan sepenuhnya pada 2010 dengan pengeluaran biskut sebelum berkembang kepada aneka kuih talam dan seterusnya makanan sejuk beku pada 2015.

"Bagi produk sejuk beku, kami mula membekalkan kepada beberapa Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Ayer

Selepas berkahwin, saya berhenti kerja dan ketika itulah ibu mencadangkan supaya saya memberi fokus sepenuhnya kepada perniagaan keluarga daripada tidak berbuat apa-apa."

- Nabihah



Nabihah meninjau operasi bengkel Naqik di Masjid Tanah.



Molek dan Lubuk China selain A'Famosa serta Ayer Keroh.

"Selepas PLKN ditutup, produk kami dipasarkan ke pasar raya Family Store (FS) bermula dengan cawangan Bukit Rambai pada 2017 sebelum berkembang ke tujuh cawangan di Melaka dan Negeri Sembilan serta dua cawangan pasar raya Fresco," katanya kepada Sinar Bisnes.

Langkah berani

Nabihah yang juga lulusan Ijazah Kewangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Bandaraya Melaka itu berkata, selepas tamat pengajian beliau pernah bekerja di sebuah syarikat minyak dan gas selama setahun.

"Selepas berkahwin, saya berhenti kerja dan ketika itulah ibu mencadangkan supaya saya memberi fokus sepenuhnya kepada perniagaan keluarga daripada tidak berbuat apa-apa."

"Selain tunjuk ajar daripada ibu, saya turut mendapatkan bimbingan perniagaan melalui Pertubuhan Peladang Masjid Tanah, KEMAS dan FAMA menerusi kursus yang disediakan," katanya.

Ujarnya, modal sekitar RM30,000 digunakan bagi mengembangkan perniagaan selain mendapatkan pembiayaan daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan agensi berkaitan untuk pembelian mesin serta pembesaran bengkel secara berperingkat.

Melalui bantuan SME Corp pada 2015, syarikatnya memperoleh mesin karipap bernilai RM80,000 yang membantu meningkatkan pengeluaran sehingga 3,000 biji karipap sehari berbanding kaedah manual sebelum ini.

Nabihah berkata, walaupun menerima permintaan menggalakkan, Naqik ketika ini

lebih menumpukan kepada konsep tender berbanding pemasaran melalui media sosial atau secara dalam talian.

"Ketika ini, produk Naqik dibekalkan ke 30 buah sekolah, empat hospital selain lebih 15 hotel di Melaka dan Johor."

"Bagi memastikan kualiti produk terjamin, setiap keluaran menjalani ujian makanan di Melaka Biotechnology Corporation (MBC) berhampiran Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) (MITC), memandangkan kebanyakan bekalan dihantar untuk kegunaan pelajar dan pesakit," katanya.

Pihaknya turut menerima permintaan daripada FAMA untuk menembusi pasaran Singapura namun syarikatnya masih belum bersedia ke arah itu berikutan kekangan ruang dan pengeluaran terhad.

"Keutamaan kami ketika ini adalah memastikan bekalan mencukupi, kualiti terjamin dan operasi stabil sebelum melangkah lebih jauh."

"Kini, Naqik mempunyai 13 pekerja tetap dan dua pekerja sambilan dengan bengkel di Lorong Mahadi, Jalan Air Limau beroperasi pada kapasiti maksimum," ujar beliau.

Menurutnya, terdapat perancangan untuk berpindah ke kilang baharu selewat-latewata pada 2027 bagi meningkatkan pengeluaran.

Ketika ini, pendapatan syarikat mencecah sekitar RM100,000 sebulan dengan peningkatan ketara menjelang musim perayaan dengan membuka tempahan 13 biskut raya termasuk tat nenas dan almond london.

Beliau berpandangan, bagi memastikan perniagaan terus berdaya saing, peniaga perlu menguruskan kewangan dengan baik dan berilmu serta bijak mencari peluang bagi mengembangkan perniagaan.

JUMAAT 6 FEBRUARI 2026 | SINAR HARIAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Empat negeri hadapi kebakaran, paras air empangan merosot, jejas sektor pertanian

Ancaman cuaca panas

Oleh **ATHIR ISMAIL, KHAIRUL MOHD. ALI, SAFINA RAMLI** dan **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Gelombang cuaca panas, kering dan berangin yang melanda Semenanjung Malaysia ketika ini mula memberi kesan ketara terhadap alam se-

kitar, keselamatan awam serta sumber bekalan air khususnya di beberapa negeri di bahagian utara.

Situasi berpanjangan itu menyaksikan peningkatan mendadak kes kebakaran hutan dan belukar malah terdapat beberapa kejadian yang masih belum dapat dipadamkan sepenuhnya

walaupun telah berlarutan lebih seminggu.

Keadaan cuaca kering turut menyebabkan paras air di empangan utama dilaporkan menyusut sekali gus mencetuskan kebimbangan terhadap tahap simpanan air mentah sekiranya cuaca panas berterusan.

Di utara, kawasan sawah di-

laporkan mula terjejas dengan sebahagiannya kering kontang dan menunjukkan rekahan yang ketara akibat kehilangan kelembapan.

Ancaman paling serius ketika ini adalah kebakaran hutan berskala besar yang melibatkan ratusan hektar di beberapa negeri termasuk Johor, Selangor, Pulau

Pinang dan Perlis.

Kebakaran tersebut bukan sahaja memusnahkan kawasan sekitar malah turut memberi kesan kepada kualiti udara serta menjejaskan kehidupan penduduk setempat yang terdedah kepada jerebu dan haba tinggi.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Ancaman cuaca panas

Dari muka 1

Di Johor, kebakaran tanah gambut melibatkan keluasan kira-kira 161.16 hektar yang berlaku di tiga buah daerah iaitu Kluang, Muar dan Kota Tinggi sejak 28 Januari lalu masih belum padam sepenuhnya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Siti Rohani Nadir berkata, sifat tanah gambut itu sendiri menyebabkan kebakaran itu masih belum dapat dipadam.

Katanya, api gambut tidak hanya terbakar di atas permukaan sebaliknya turut terbakar di bawah permukaan tanah dan sukar dikesan.

Katanya, walaupun api di permukaan kelihatan seperti telah terpadam namun bara masih boleh merebak dalam tanah menyebabkan kerja pemataman dibuat secara mendalam dan berulang.

"Cabaran lain dihadapi termasuklah sumber air yang semakin terhad, di mana ada kawasan bekalan air perlu diambil secara berulang-alik oleh lori tangki melibatkan jarak sehingga 5.8 kilometer sekali gus melambatkan kerja-kerja pemataman.

"Faktor cuaca panas dan kering serta berangin turut menyebabkan situasi *fly of transfer* iaitu bara api diterbangkan angin menyebabkan kebakaran merebak di kawasan lain.

"Situasi ini memerlukan anggotanya menambah kawalan dan menukar tumpuan kerja pemataman di beberapa lokasi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kejadian kebakaran itu juga sekiranya berterusan dibimbangi boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada penduduk.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr. Mohd. Famey Yusoff berkata, kebakaran itu wujud susulan kebakaran yang berlaku turut menjejaskan kualiti udara di kawasan berhampiran.



Faktor cuaca panas dan kering serta berangin turut menyebabkan situasi *fly of transfer* iaitu bara api diterbangkan angin menyebabkan kebakaran merebak di kawasan lain."

"Jika kebakaran tanah gambut ini masih berterusan, memang ada risiko boleh menjejaskan kesihatan orang awam.

"Sehubungan itu, penduduk di kawasan berhampiran perlu sentiasa peka dengan sebarang pengumuman yang dibuat kerajaan," katanya.

Tambah beliau, pencemaran udara diukur dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dimana sekiranya bacaan melebihi 100 ia akan dikategorikan sebagai tidak sihat.

Bagaimanapun berdasarkan tahap kualiti udara semasa katanya, bacaan IPU di ketiga-tiga kawasan berkenaan masih kekal di bawah 100.

Tidak terkecuali kebakaran juga berlaku di Perlis dengan sebanyak 183 panggilan membabitkan kes kebakaran diterima JBPM negeri sepanjang bulan Januari dengan anggaran kerugian sebanyak RM859,300.

Pengarah JBPM Perlis, Wan Mohd. Hamizi Wan Mohd Zin berkata, jumlah kes berkenaan menunjukkan peningkatan berbanding tempoh sama tahun lalu dan dijangka terus meningkat sehingga berlakunya peralihan monsun.

"Corak kebakaran yang berlaku ketika ini lebih tertumpu kepada kebakaran belukar, la-

lang dan kebakaran terbuka. Faktor cuaca panas, kering serta kekurangan hujan menyumbang kepada peningkatan bilangan kes," katanya.

Di Selangor kira-kira 19 daripada 23 hektar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan (HSKLS) dekat Sungai Kelambu, Kuala Langat yang terbakar berjaya dipadam sehingga pukul 8.30 pagi semalam.

Ketua Zon 5 (KLIA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Penguasa Kanan Bomba II, Mohamad Issmanto Md. Pono berkata, kebakaran masih aktif namun tidak menjejaskan penempatan berhampiran dan loji rawatan air (LRA) berdekatan.

Kebakaran hutan berskala besar juga dilaporkan berlaku membabitkan lapan hektar kawasan Hutan Simpan Island iaitu berhampiran Botanical Garden di Bukit Bendera, Pulau Pinang kelmarin.

Pada masa sama di negeri itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memaklumkan taburan hujan yang sangat rendah direkodkan di kawasan tadahan utama,

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Ir. K. Pathmanathan berkata, sebanyak 17.5 milimeter (mm) hujan direkodkan di kawasan tadahan air Empangan Air Hitam manakala Empangan Teluk Bahang hanya menerima 5.5 mm hujan dalam tempoh sama.

"Situasi itu turut memberi kesan kepada paras air Sungai Muda yang berada di bawah paras selamat 2.0 meter berikutan pelepasan air pengairan bagi menyokong penanaman padi di Kedah dan Pulau Pinang," katanya.

Cuaca panas di Perlis yang terus berlarutan turut menyebabkan lebih 291.8 hektar kawasan sawah khususnya di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terjejas teruk berikutan tanaman padi yang kering serta tanah merekah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	26

26

Utusan Malaysia
JUMAAT • 6 FEBRUARI 2026

Forum



HARGA durian Musang King yang lebih mesra poket membuka peluang agar nikmat raja buah itu dapat dinikmati oleh keluarga sederhana, pekerja harian dan golongan muda.

Durian Musang King semakin mampu milik?

MUSANG King kini boleh didapati pada harga yang lebih rendah dan semakin mampu milik.

Musim tuaian yang memuncak menyebabkan lambakan bekalan di pasaran. Apabila hasil durian meningkat dengan banyak, peniaga perlu menghabiskan stok dalam tempoh singkat bagi mengelakkan buah rosak dan kerugian.

Dalam keadaan ini, harga Musang King terpaksa diturunkan. Selain itu, semakin banyak ladang Musang King yang matang dan mengeluarkan hasil secara konsisten, sekali gus meningkatkan persaingan dan memberi kelebihan kepada pengguna.

Harga durian Musang King yang lebih mesra poket membuka peluang agar nikmat raja buah itu dapat dinikmati oleh keluarga sederhana, pekerja harian dan golongan muda.

Namun begitu, pengguna perlu kekal berhemah. Harga murah tidak bermaksud semua buah berkualiti sama. Pembeli disarankan memilih peniaga yang dipercayai, bertanya tentang gred durian dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran terlalu murah yang mungkin mengorbankan mutu.

Strategi membeli dalam kuantiti kecil terlebih dahulu atau berkongsi pembelian dengan ahli keluarga dan rakan juga dapat mengelakkan pembaziran serta memastikan perbelanjaan lebih terkawal.

Dalam masa sama, ia mencerminkan bagaimana pasaran makanan boleh menjadi lebih inklusif. Ada ketika, lebih hasil dan persaingan sihat memberi manfaat langsung kepada pengguna. Ia mengingatkan kita makanan berkualiti tinggi tidak semestinya perlu kekal eksklusif sepanjang masa.

Apa yang pasti, peluang seperti ini tidak datang selalu. Apabila musim durian berakhir atau permintaan kembali meningkat, harga Musang King berkemungkinan naik semula dan kita pula kembali kepada kategori 'mampu tengok'.

Jadi semasa harga masih rendah dan bekalan masih ada, inilah masa terbaik untuk mencuba dan menghargai hasil bumi tempatan yang bernilai tinggi.

NORLAILA ABDULLAH CHIK
Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian Kerajaan,
Universiti Utara Malaysia (UUM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	8

8

www.hmetro.com.my
[@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy)
[HarianMetro](https://www.facebook.com/HarianMetro)
[@hmetromy](https://www.instagram.com/hmetromy)

Jumaat 06.02.2026 | Harian Metro

lokal

Oleh Muhammad
Zulysymini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Cuaca panas sejak beberapa bulan lalu menyebabkan paras air di Empangan Bukit Merah dan Tasik Temenggor susut mendadak.

Berikutan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak mencadangkan pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di dua kawasan tadahan air berkenaan bagi mengurangkan kesan kemarau ketika ini.

Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, ia sebagai langkah mitigasi strategik bagi meningkatkan peluang hujan dan seterusnya mengelakkan pemberhentian bekalan air pengairan dan domestik sekiranya keadaan kemarau berterusan.


Beliau berkata, hasil pemantauan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap sistem empangan Sungai Perak mendapati paras air Tasik Temenggor berada pada tahap rendah berikutan kadar kemasukan air semula jadi yang terhad dari kawasan tadahan.

"Ia susulan taburan hujan yang berkurangan sejak beberapa bulan kebelakangan ini," katanya.

Menurutnya, keadaan itu memberi kesan rantaian kepada empangan di hilir iaitu Tasik Bersia, Tasik Kenering dan Tasik Chende-

AIR EMPANGAN BUKIT MERAH, TASIK TEMENGGOR SUSUT

OPERASI BENIH AWAN



“
Taburan hujan
berkurangan
beberapa bulan
kebelakangan ini
Mohammad
Nizar

KEADAAN pemandangan air Sungai Perak yang surut berikutan musim kemarau di Jambatan Nordin, Tanjung Belanja, kelmarin. Cuaca panas dan ketiadaan hujan berpanjangan dipercayai menjadi antara faktor utama penyusutan paras air Sungai Perak di kawasan Tanjung Belanja, Parit, sekali gus memberi kesan nelayan kecil di kawasan itu.



MOHAMMAD NIZAR

roh yang kini turut berada hampir pada paras operasi minimum.

Beliau berkata, antara implikasi yang perlu juga diambil kira kemerosotan aktiviti eko-pelancongan di kawasan hulu Sungai Perak termasuk Tasik Temenggor dan Tasik Raban susulan paras air rendah, selain risiko jangka sederhana terhadap jaminan bekalan air dan penjana tenaga elektrik.

"Ia termasuk sokongan

operasi penjana Stesen Janakuasa Janamanjung yang menyumbang 25 peratus keperluan tenaga Semenanjung Malaysia yang berkait rapat dengan kestabilan bekalan air negeri," katanya.

Menurutnya, bagi mengurangkan kesan kemarau itu langkah kawalan dalam dilaksanakan termasuk pelaksanaan catuan bekalan pengairan mengikut kompartmen serta penggunaan pam-pam ber-

gerak di beberapa lokasi terjejas dengan kerjasama JPS dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian.

"Bagi mitigasi dan kelestarian pengurusan sumber air Perak, JPS Perak secara rasmi sudah memohon pelaksanaan OPA di dua kawasan tadahan itu kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Perak bagi mengelakkan pemberhentian bekalan air pengairan, domestik dan memastikan

kelestarian sumber air Sungai Perak dapat terus dipelihara secara menyeluruh dan bersepadu," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan bacaan paras air Sungai menyusut hingga menampakkan beting pasir sebesar hampir keluasan padang bola sepak di beberapa kawasan khususnya di daerah Perak Tengah, selain di Kuala Kangsar berikutan cuaca kering yang berterusan.